
Adam dan Hawwa'. Suatu keadaan yang amat memalukan manusia. Nabi Adam dan Hawwa' telah berjaya ditelanjarkan oleh Iblis dan itulah strategi pertama Iblis dalam menggoda manusia. Tujuannya ialah untuk menghilangkan sifat malu mereka. Inilah juga strategi yang digunakan oleh musuh-musuh Islam hingga ke hari ini. Dalam usaha menanggalkan iman masyarakat Islam, mereka mempromosikan segala kempen pergaulan bebas dan fesyen-fesyen yang mendedahkan aurat, agar sifat malu mereka terhakis. Dengan itu mudahlah kepada umat Islam melanggar batasan-batasan syari'at yang lain satu demi satu.

Firman Allah: **‘Maka jika mereka bertaubat’**

Perbuatan taubat (kembali kepada Tuhan) yang disebut di dalam ayat al-Quran bagi orang-orang kafir adalah dengan kembali kepada Islam atau mengucapkan dua kalimah syahadah. Jadi ia bersesuaian dengan hadits 25 di atas yang memerintahkan baginda untuk memerangi golongan kafir sehingga mereka mengucapkan dua kalimah syahadah.

‘mendirikan shalat dan menunaikan zakat’

Klausa ini tidak ada perbezaannya dengan hadits yang turut mensyaratkan mereka mendirikan shalat dan menunaikan zakat.

‘biarkanlah mereka’

Klausa ini menegaskan apabila seseorang itu sudah memeluk Islam atau mengucapkan dua kalimah syahadah, mendirikan shalat dan menunaikan zakat, maka dia tidak boleh diganggu-gugat lagi. Malah pemerintah Islam bertanggungjawab melindungi dan menjamin keselamatannya. Bahagian ini juga tiada bezanya dengan hadits 25, kerana ia juga menyatakan; “apabila mereka melakukannya (mengucapkan dua kalimah syahadah, mendirikan shalat dan menunaikan zakat), maka terpeliharalah darah-darah dan harta benda mereka daripadaku”

Kesimpulannya ayat al-Quran yang dijadikan sebagai tajuk bab oleh Imam Bukhari dan hadits babnya tidak mempunyai sebarang perbezaan dari sudut maksudnya, hanya lafaz-lafaznya sahaja yang berbeza.

(2) Imam Bukhari ingin membuktikan di sini bahawa sama ada al-Quran mahupun hadits, keduanya dengan tegas menyatakan orang kafir (harbi) yang terselamat darah dan hartanya bukanlah orang yang hanya mengucapkan dua kalimah syahadah sahaja, sebaliknya mereka haruslah terdiri daripada golongan yang bersembahyang dan menunaikan zakat. Ini bererti Islam itu bukan hanya pada pengakuan lidahnya sahaja, tetapi haruslah dibuktikan dengan perbuatan dan amalan. Inilah maksud yang dikehendaki Imam Bukhari dalam menolak dan menangkis da'waan golongan Murjiah yang mengasingkan antara iman dan amalan. Kerana tindakan itu jelas bertentangan dengan al-Quran dan al-Hadits.

Golongan Murjiah yang mengasingkan antara iman dan amalan mungkin sudah lenyap dari pandangan mata kasar, tetapi pegangan mereka sebenarnya masih belum lenyap kerana masih kedapatan umat Islam yang memandang remeh, malah jelas melanggar hukum-hukum syariat dengan menganggap iman mereka sudah mencukupi, semata-mata dengan mereka mengaku sebagai orang Islam. Contohnya di sesetengah negara umat Islam, perkahwinan campur antara agama masih diamalkan. Di India pula misalnya, berapa ramai golongan artis muslim yang memilih pasangan hidup mereka (rakan-rakan artis) di kalangan penganut-penganut agama Hindu dan lain-lain. Sedangkan al-Quran dengan jelas melarangnya melalui firman Allah:

وَلَا تَنْكِحُوا الْمُشْرِكِينَ حَتَّىٰ يُؤْمِنَ وَلَا أُمَمٌ مُّؤْمِنَةً خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكٍ وَلَوْ أَعْجَبَتْكُمْ وَلَا تُنْكِحُوا الْمُشْرِكِينَ حَتَّىٰ يُؤْمِنُوا وَلَعَبْدٌ مُّؤْمِنٌ خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكٍ وَلَوْ أَعْجَبَكُمْ أُولَٰئِكَ يَدْعُونَ إِلَى النَّارِ وَاللَّهُ يَدْعُو إِلَى الْجَنَّةِ وَالْمَغْفِرَةِ بِإِذْنِهِ وَيُبَيِّنُ آيَاتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ

٢٥- حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ الْمُسْنَدِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو رَوْحٍ الْحَرَمِيُّ بْنُ عَمَارَةَ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ وَاqِدِ بْنِ مُحَمَّدٍ قَالَ سَمِعْتُ أَبِي يُحَدِّثُ عَنِ ابْنِ عَمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أُمِرْتُ أَنْ أَقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ فَإِذَا فَعَلُوا ذَلِكَ عَصَمُوا مِنِّي دِمَاءَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ إِلَّا بِحَقِّ الْإِسْلَامِ وَحِسَابُهُمْ عَلَى اللَّهِ.

25- `Abdullah bin Muhammad al-Musnadi meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Rauh al-Harami bin `Umaarah meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu`bah meriwayatkan kepada kami daripada Waaqid bin Muhammad, katanya: Aku mendengar

Bermaksud: Dan janganlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan (kafir) musyrik sebelum mereka beriman (memeluk agama Islam). Sesungguhnya seorang hamba perempuan yang beriman itu lebih baik daripada perempuan (kafir) musyrik, walaupun ia menarik hatimu. Dan janganlah kamu kahwinkan (perempuan-perempuan Islam) dengan lelaki-lelaki (kafir) musyrik sebelum mereka beriman (memeluk agama Islam). Sesungguhnya seorang hamba lelaki yang beriman lebih baik daripada seorang lelaki musyrik, walaupun ia menarik hatimu. Mereka mengajak ke neraka, sedang Allah mengajak ke syurga dan keampunan dengan izinNya. Allah menjelaskan ayat-ayatNya (keterangan-keterangan hukumNya) kepada umat manusia, supaya mereka dapat mengambil pelajaran (daripadanya). (al-Baqarah:221).

Allah juga berfirman:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا جَاءَكُمْ الْمُؤْمِنَاتُ مُهَجِرَاتٍ فَامْتَحِنُوهُنَّ ۚ اللَّهُ أَعْلَمُ بِإِيمَانِهِنَّ فَإِنْ عَلِمْتُمُوهُنَّ مُؤْمِنَاتٍ فَلَا تَرْجِعُوهُنَّ إِلَى الْكُفَّارِ لَا هُنَّ حِلٌّ لَهُمْ وَلَا هُمْ يَحِلُّونَ لَهُنَّ وَءَاثُهُمْ مَّا أَنْفَقُوا وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ أَنْ تَنْكِحُوهُنَّ إِذَا ءَاتَيْنَهُنَّ أَجُورَهُنَّ وَلَا تُمْسِكُوا بِعِصَمِ الْكَوَافِرِ ۚ وَسْئَلُوا مَّا أَنْفَقْتُمْ وَلَيْسَ لَكُمْ ذَلِكُمْ ۚ اللَّهُ يَحْكُمُ بَيْنَكُمْ ۚ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ۝

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman! Apabila orang-orang perempuan yang mengaku beriman datang berhijrah kepada kamu, maka ujilah (iman) mereka: Allah lebih mengetahui akan iman mereka: Dengan yang demikian, sekiranya kamu mengetahui bahawa mereka beriman, maka janganlah kamu mengembalikan mereka kepada orang-orang yang kafir. Mereka tidak halal bagi orang-orang kafir itu (sebagai isteri) dan orang-orang kafir itu pula tidak halal bagi mereka (sebagai suami) dan berilah kepada suami-suami (yang kafir) itu apa yang mereka telah belanjakan dan tidaklah menjadi salah kamu berkahwin dengan mereka (perempuan-perempuan yang berhijrah itu) apabila kamu memberi kepada mereka mas kahwinnya dan janganlah kamu (wahai orang-orang Islam) tetap berpegang kepada akad perkahwinan kamu dengan perempuan-perempuan yang (kekal dalam keadaan) kafir dan mintalah balik mas kahwin yang kamu telah berikan dan biarkanlah mereka (suami-suami yang kafir itu) meminta balik apa yang mereka telah belanjakan. Demikianlah hukum Allah; Dia hukumankan di antara kamu (dengan adil) dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. (al-Mumtahanah: 10).

ayahku meriwayatkan daripada Ibnī `Umar, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “Aku diperintah¹⁸⁷ memerangi manusia¹⁸⁸ sehingga mereka bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah, Muhammad adalah utusan Allah, mendirikan shalat¹⁸⁹ dan menunaikan

¹⁸⁷ Para `ulama' sepakat mengatakan, apabila Nabi s.a.w. menyebut ‘Aku diperintahkan...’ sudah tentulah yang memerintahkan baginda adalah Allah s.w.t. sendiri. Jika para sahabat mengatakan, “Aku diperintahkan atau kami diperintah...” tanpa menyebut siapakah orang yang memerintahkan itu, maka ia bermaksud perintah itu datangnya daripada Nabi s.a.w. Dan hadits sebegini dalam istilah Ilmu Hadits dikenali sebagai *موقوف في حكم المرفوع* (hadits yang meskipun zahirnya terhenti pada sahabat, tetapi pada hakikatnya ia semestinya berpunca daripada Rasulullah s.a.w. juga). Jika para tabi'in pula mengatakan, “Aku diperintahkan atau kami diperintah...” tanpa menyebut siapakah orang yang memerintahkan itu, maka perintah tersebut tidak boleh dipastikan sama ada datangnya daripada seorang sahabat atau mungkin daripada tabi'in yang lain.

¹⁸⁸ Manusia yang diperintah supaya diperangi itu bukan sekalian manusia, tetapi orang-orang kafir dan musyrikin yang jelas sangat permusuhanannya dengan orang-orang Islam atau dengan kata lain kafir harbi. Mereka sahaja sebenarnya yang diperintah oleh Allah akan RasulNya supaya diperangi. Antara buktinya ialah hadits Nasaa'i berikut: *أمرت أن أقاتل المشركين* (aku diperintah supaya memerangi orang-orang musyrikin). Hadits Muslim berikut juga menunjukkan perkara yang sama: *مَنْ وَحَدَّ اللَّهُ وَكَفَرَ بِمَا يُعْبَدُ مِنْ دُونِ اللَّهِ حَرَّمَ مَالُهُ وَدَمُهُ وَحِسَابُهُ عَلَى اللَّهِ* (orang yang mengesakan Allah dan kufur terhadap apa-apa yang disembah selain Allah, haram harta benda dan darahnya. Soal hati mereka, itu terserah kepada Allah).

¹⁸⁹ Antara ma'na mendirikan sembahyang yang disebut oleh para `ulama' ialah: (1) Menunaikan sembahyang dengan cukup rukun dan syaratnya. (2) Menunaikan sembahyang dengan cukup rukun dan syaratnya secara berkekalan dan berterusan. (3) Menunaikan sembahyang tanpa rasa jemu dan malas di samping sentiasa berusaha menyempurnakannya. (4) Mengerjakan sembahyang yang difardhukan dengan sebaik mungkin. Perkataan “mendirikan sembahyang” yang tersebut di dalam hadits ini tidak bererti sembahyang itu hanya harus di kerjakan dalam keadaan berdiri sahaja atau perbuatan sembahyang itu hanya dalam bentuk berdiri sahaja. **Penggunaan perkataan ini sebenarnya** adalah berdasarkan satu qaedah Majaaz Mursal dalam ilmu Balaghah. Qaedah itu berbunyi: *إطلاق الجزء وإرادة الكل* (Menyebutkan satu bahagian sahaja daripada sesuatu benda atau perkara, padahal yang dimaksudkan ialah kesemua sekali benda atau perkara itu). **Sesetengah `ulama' menyimpulkan** hukum bunuh terhadap orang-orang yang meninggalkan sembahyang daripada hadits ini. Sama ada kerana mereka telah menjadi murtad dengan sebab meninggalkan sembahyang atau kerana adanya hukuman had iaitu dibunuh, jika tetap tidak mahu bersembahyang setelah dinasihati atau didera. Walaupun mereka tidaklah menjadi kafir atau murtad dengan sebab meninggalkan sembahyang itu. Ibnu Daqiq al-`Id membantah kesimpulan yang dibuat oleh sesetengah `ulama' itu dengan alasan di dalam hadits ini tidak tersebut perkataan *قَتَلَ* (bunuh) untuk disimpulkan hukum bunuh daripadanya. Yang ada ialah perkataan *أَقَاتَلَ*. Ia berpunca daripada perkataan *قَاتَلَ* dan *مَقَاتَلَهُ* (memerangi, melawan, menghalang, menyekat dan sebagainya). Kata beliau: *لا يلزم من إباحة المقاتلة عليها إباحة القتل عليها لأن* (tidak semestinya apabila ada keharusan muqatalah (memerangi) kerana meninggalkan sembahyang ada juga keharusan membunuh *القتل* kerana

meninggalkannya. Ini kerana di dalam perkataan قَتَلَ dan مَقَاتِلَةٌ itu terkandung ma'na perlawanan di antara dua pihak. Tidak begitu keadaannya dengan perkataan القَتْلَ). Imam Baihaqi pula menukulkan pendapat asy-Syafi'e bahawa beliau ada berkata: ليس القتال من القتل بسبيل فقد يحل قتال الرجل (Qital tiada kena mengena langsung dengan qatl (pembunuhan). Kadang-kadang kita harus memerangi seseorang, tetapi tidak harus pula kita membunuhnya). Perkataan qital telah digunakan oleh Rasulullah s.a.w. sendiri di dalam sekian banyak haditsnya. Tetapi tidak pula ia memberi erti membunuh sama sekali. Sebagai contoh lihat saja dua hadits berikut ini: (1) Rasulullah s.a.w. pernah berkata kepada Sa'ad: أَقَاتِلَا أَيْ سَعُدُ إِنِّي لَأُعْطِي الرَّجُلَ Maksudnya: Engkau hendak melawankah wahai Sa'ad? Sesungguhnya aku hendak memberikan kepada orang itu. (Muslim). Perkataan qital di dalam hadits ini langsung tidak sesuai dipakai dengan ma'na membunuh. (2) Abu Sa'id al-Khudri r.a. meriwayatkan, katanya: سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِذَا سَمِعْتُ النَّاسَ فَأَرَادَ أَحَدٌ أَنْ يَجْتَازَ بَيْنَ يَدَيْهِ فَلْيَدْفَعْهُ فَإِنْ أَبَى فَلْيُقَاتِلْهُ فَإِنَّمَا هُوَ شَيْطَانٌ Bermaksud: Aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: “Apabila seseorang daripada kamu bersembahyang dengan menjadikan sesuatu sebagai sutrahnya (penghadangnya) dari dilintasi orang, maka jika ada sesiapa yang mahu melintas di hadapannya, dia hendaklah menghalangnya. Kalau dia mahu melintas juga maka hendaklah dihalangnya lagi dengan lebih keras, kerana orang yang hendak melintas juga itu (walaupun telah dihalang) sebenarnya adalah syaitan.” (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, Nasaa'i, Abu Daud dan lain-lain). Di dalam hadits ini juga perkataan فَلْيُقَاتِلْهُ tidak harus dipakai dengan erti membunuh. Orang yang meninggalkan sembahyang pula tidak menjadi kafir dan murtad. Ia juga tidak dikenakan hukuman had bunuh seperti disimpulkan oleh sesetengah 'ulama' daripada hadits ini. Antara hadits yang membuktikan orang yang meninggalkan sembahyang itu tidak kafir dan murtad ialah hadits berikut ini: 'Ubaadah bin as-Shaamit meriwayatkan, katanya: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ خَمْسُ صَلَوَاتٍ كَتَبَهُنَّ اللَّهُ عَلَى الْعِبَادِ فَمَنْ جَاءَ بِهِنَّ لَمْ يَصْنَعْ مِنْهُنَّ شَيْئًا اسْتِخْفَافًا بِحَقِّهِمْ كَانَ لَهُ عِنْدَ اللَّهِ عَهْدٌ أَنْ يُدْخِلَهُ الْجَنَّةَ وَمَنْ لَمْ يَأْتِ بِهِنَّ كَتَبَهُنَّ اللَّهُ عَلَى الْعِبَادِ فَمَنْ جَاءَ بِهِنَّ لَمْ يَصْنَعْ مِنْهُنَّ شَيْئًا اسْتِخْفَافًا بِحَقِّهِمْ كَانَ لَهُ عِنْدَ اللَّهِ عَهْدٌ أَنْ يُدْخِلَهُ الْجَنَّةَ Maksudnya: Aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Allah mewajibkan lima sembahyang ke atas hamba-hambaNya. Sesiapa yang mengerjakannya, tidak mensia-siakannya dan tidak juga meremehkannya, Allah jamin akan memasukkannya ke dalam syurga. Sesiapa yang tidak mengerjakannya pula, tiada jaminan untuknya di sisi Allah. Keadaannya terpulang kepada Allah, sama ada akan menyiksanya atau memasukkannya ke dalam syurga. (Malik, Ibnu Abi Syaibah, 'Abdur Razzaaq, Sa'id bin Manshur, Ahmad, Abu Daud, Nasaa'i, Daarimi, Ibnu Majah, Ibnu Hibbaan dan lain-lain). Hadits ini menunjukkan kedudukan orang yang meninggalkan sembahyang itu bergantung kepada masyi'ah (kehendak) Allah. Apa ertinya Allah memasukkannya ke dalam syurga jika ia telah menjadi kafir atau murtad kerana meninggalkan sembahyang?! Bukankah syurga itu diharamkan kepada orang kafir? Antara dalil yang membuktikan orang yang meninggalkan sembahyang itu tidak dikenakan had bunuh pula ialah hadits berikut ini: 'Abdullah bin Mas'ud meriwayatkan, katanya: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَحِلُّ دَمُ امْرِئٍ مُسْلِمٍ يَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَّا بِأَحَدٍ ثَلَاثٍ Maksudnya: Rasulullah s.a.w. bersabda: Tidak halal darah seseorang muslim yang bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan bahawa aku adalah utusan Allah, melainkan dengan (ia melakukan) salah satu daripada tiga perkara ini: Pertama, Membunuh orang. Kedua, Berzina padahal telah Muhshan. Dan ketiga: Keluar agama dengan meninggalkan jama'ah. (Bukhari, Muslim, Ahmad, Abu Daud, Nasaa'i, Tirmizi, Ibnu